

**RTC Terbukti Bawa Kesan Besar Kepada Penduduk Luar Bandar – Najib Bernama  
10 November, 2012**

ALOR GAJAH, 10 Nov (Bernama) -- Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) terbukti membawa kesan besar terhadap ekonomi penduduk luar bandar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata nilai jualan bagi RTC Perak di Gopeng dan RTC Kelantan di Kota Bharu mencecah RM291.5 juta sehingga 31 Ogos lepas.

Katanya RTC Perak mencatatkan nilai jualan berjumlah RM54.3 juta manakala RTC Kelantan memperoleh RM237.2 juta dengan pelanggan bagi kedua-dua pusat itu mencecah tiga juta orang.

"Belum tamat tahun pertama operasi, sudah kelihatan kejayaan dan saya percaya tahun-tahun akan datang, nilai jualan ini akan terus meningkat," katanya ketika berucap merasmikan RTC Melaka di Kuala Linggi di sini, Sabtu.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Afdal dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar.

Perdana Menteri berkata RTC yang lahir daripada pemikiran kreatif dan inovatif mampu membawa Malaysia terus maju selain dapat bersaing dari segi ekonomi dengan negara-negara lain.

"Dalam abad ke-21 ini, kita akan berlumba-lumba dan bersaing dengan negara-negara lain untuk mencapai kemajuan dan kejayaan yang lebih hebat lagi dan negara-negara lain tidak berada dalam keadaan statik, mereka juga melakukan perubahan untuk maju ke depan," katanya.

Najib berkata kerajaan yang mampu memikirkan idea yang unggul akan membawa negara bangsa itu menjadi lebih berjaya.

Sebagai contoh, katanya bangunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Linggi yang dinaik taraf menjadi RTC Melaka tidak lagi hanya memberi perkhidmatan tertentu sahaja malah meliputi penduduk luar bandar secara keseluruhan.

RTC Melaka menyediakan kemudahan bersepadu dengan menempatkan pejabat-pejabat agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, Yayasan Tekun, Pos Malaysia, Klinik Kesihatan dan AgroBank.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708549>